

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG
KAWASAN : TEBRAU
TARIKH : 31 JULAI 2017
NO. SOALAN : 71

SOALAN

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kerajaan menggalakkan dan membantu para pengusaha kecil dan sederhana (PKS) menyumbang sekurang-kurangnya 40% kepada GNP menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah menyumbang sebanyak 36.6% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 36.3% pada tahun 2015, manakala guna tenaga meningkat kepada 65.3% (2015: 64.5%) dan eksport meningkat kepada 18.6% (2015: 17.7%).

Berdasarkan Banci Ekonomi 2016 (bagi tahun rujukan 2015) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 907,065 pertubuhan PKS di Malaysia, 98.5% daripada jumlah

keseluruhan pertumbuhan perniagaan di negara ini. (Banci Ekonomi 2011: 652,495 pertumbuhan PKS).

Bagi memperkukuhkan pembangunan PKS, Pelan Induk PKS (2012 – 2020) telah dirangka bertujuan mewujudkan ekosistem yang menyeluruh bagi menyokong usaha mempercepat pertumbuhan PKS melalui produktiviti dan inovasi. Pelan Induk ini menggariskan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi yang akan memacu dan melonjakkan pertumbuhan KDNK serta melahirkan PKS yang kompetitif dan mampu bersaing di peringkat negara, serantau dan global. Pelaksanaan pelan ini akan dapat meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK kepada lebih 40% menjelang tahun 2020.

Selain itu, pelbagai inisiatif lain juga telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi merangsang perkembangan PKS di Malaysia dan meningkatkan daya saing mereka. Dalam Bajet tahun 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM5.8 bilion bagi melaksanakan 169 program pembangunan untuk PKS, melalui 16 kementerian dan 65 agensi kerajaan. Ini bertujuan membantu PKS dalam meningkatkan tahap automasi, penggunaan teknologi, inovasi, kualiti perkhidmatan, penjenamaan dan seterusnya keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (72)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 31 JULAI 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN :

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan rekod keuntungan tahunan Petronas yang meningkat sebanyak 12 peratus (RM23.5 bilion) di sebalik penurunan pendapatan sebanyak 17 peratus (RM204.9 bilion) pada tahun 2016, adakah keuntungan Petronas ini diperolehi dengan mengurangkan pekerjaan rakyat Malaysia termasuk memotong faedah dan kebajikan pekerja.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS mencatat peningkatan keuntungan selepas cukai bagi tahun 2016 sebanyak 12 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini berjaya diperolehi menerusi penurunan perbelanjaan operasi, peningkatan kecekapan operasi di samping pengurangan dari segi perbelanjaan cukai serta *asset impairment*. Peningkatan keuntungan ini boleh dibanggakan memandangkan purata harga minyak mentah dunia yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya (2016: USD43.69 setong, 2015: USD52.46 setong) dan juga penurunan harga penanda aras lain yang telah menyebabkan perolehan PETRONAS merosot sebanyak 17 peratus.

Penurunan perbelanjaan operasi dan peningkatan kecekapan operasi PETRONAS berjaya dicapai melalui langkah-langkah yang diambil melalui "*Project Cactus*", usaha memudahkan proses (*process simplification*), rundingan semula kontrak-kontrak, penjanaian tunai (*cash*

generation) dan inisiatif-inisiatif di peringkat industri bersama kontraktor *Petroleum Arrangement Contract (PACs)*.

Sekian, terima kasih.

31 Julai 2017